

31/08/1997

Apakah kita benar-benar merdeka?

A Nazri Abdullah

SUDAH empat puluh tahun kita merdeka, tetapi kemerdekaan yang sebenarnya masih jauh. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah mengingatkan kita bahawa perjuangan bangsa belum selesai dan perjalanan kita masih jauh. Kita cuma merdeka dalam erti kata politik, tetapi kedaulatan kita sentiasa dicabar dan dicabuli. Kita bebas mengeluarkan fikiran tetapi tidak bebas menentukan arah tuju bangsa kita kerana setiap tindakan kita sentiasa dihalang dan disekat oleh penjajahan baru yang menjelma bersama era globalisasi. Penjajahan dalam erti kata penaklukan dan penindasan secara fizikal sudah berakhir, tetapi penjajahan fikiran, budaya dan ekonomi masih terus bermaharajalela. Dunia menjadi semakin sempit dan negara-negara merdeka semakin terhimpit.

Penjajahan bentuk baru berlaku tanpa disedari. Rakyat yang miskin dengan patriotisme mudah dipengaruhi untuk menjadi musuh dalam selimut dan gunting dalam lipatan. Ramai daripada kita yang tidak sedar bahawa kita masih dijajah oleh nafsu sendiri sehingga kita terlupa tanggungjawab kepada keluarga, bangsa, agama dan negara. Kerana dijajah nafsu, mereka yang berkuasa menggunakan kuasa untuk memenuhi kepentingan diri dan kelompok. Mereka yang kaya akan terus menggunakan kekayaan untuk melipatgandakan kekayaan sehingga ada yang sanggup melakukan fitnah, rasuah dan pelbagai gejala durjana asalkan peluang kekayaan tidak terlepas ke tangan orang lain.

Manakala mereka yang tidak ada kuasa tetapi bernafsu besar untuk memiliki kuasa, akan menggunakan pelbagai taktik kotor untuk memiliki kuasa. Fitnah dan surat layang disebar ke sana sini bagi memburuk dan menjatuhkan pemimpin. Surat layang sudah menjadi profesion segelintir kembiri yang kecewa dalam politik atau perniagaan. Ramai dalang yang takut pada bayang-bayang sendiri dan bimbang masa depan mereka, menggunakan surat layang untuk melepaskan dendam dan menyebarkan fitnah. Kerana golongan ini masih dijajah nafsu-nafsi, mereka sanggup melemparkan apa saja fitnah yang tidak masuk akal. Kadang kala timbul tanda tanya apakah penulis surat layang ini siuman fikirannya atau mereka adalah manusia yang sudah runtuh akal budinya kerana tidak ada apa-apa kepandaian lain, melainkan menulis surat layang.

Ramai daripada kita sebenarnya belum merdeka dari segi psikologi, lemah semangat dan cepat mengaku kalah. Golongan seperti ini tidak memiliki daya saing dan daya tahan untuk berjuang. Mereka seringkali mencari jalan cepat dan sanggup menggadaikan maruah dan harga diri untuk mencapai sesuatu matlamat. Baik dalam dunia perniagaan mahu pun politik, adegan jatuh menjatuh dan buruk memburuk di antara satu sama lain terus dilakonkan sedangkan negara merdeka memerlukan kepaduan seluruh pemimpin dan rakyatnya untuk menghadapi penjajahan bentuk baru yang semakin menyendatkan hidung kita.

Apa yang berlaku ke atas pasaran pertukaran wang dan bursa saham kita hari ini adalah contoh betapa penjajahan dan rempuhan baru boleh melumpuhkan pembangunan yang kita bina beberapa tahun lamanya. Rempuhan ini tidak akan meninggalkan kesan parah jika rakyat Malaysia yang terbabit dalam pasaran saham memiliki semangat patriotisme untuk menjaga kepentingan bangsa dan negara. Malangnya di kalangan broker saham, ramai juga menjadi musuh dalam selimut dan berpakat dengan pengurus dana asing untuk melumpuhkan pasaran tempatan. Mereka sanggup menjual harga diri untuk menikmati komisen dua tiga peratus sedangkan perbuatan mereka

samalah merompak harta rakyat miskin untuk membuncitkan perut pelabur kaya dari Barat.

Sebagai pemimpin yang bertungkus-lumus memerah fikiran dan tenaga untuk membangunkan Malaysia, Dr Mahathir tentulah kecewa melihat kekayaan yang diusahakan sekian lama dirompak oleh manipulator pasaran dalam sekelip mata. Pengurus dana asing tidak boleh bertindak sedemikian rakus sekiranya pengurus saham dan bank tempatan tidak bersekongkol dengan mereka. Kita harap kerajaan akan bertindak tegas kerana kegiatan ini adalah jenayah ekonomi yang mesti dicantas hingga ke akar umbi.

(END)